

Review of “Perbualan Asas Bahasa Melayu”

Title	Perbualan Asas Bahasa Melayu
Authors	Anwar Ridhwan
ISBN	983-62-8332-3
Year of Publication	2004
No. of Pages	140
Place of Publication	Kuala Lumpur, Malaysia
Publisher	Dewan Bahasa Pustaka

Reviewed by Aishah binte Mohamad Kassim

1 Tentang buku

Terdapat 64 perbualan asas bagi para pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing di dalam buku ini. Seperti mana yang diterangkan pada halaman kata pengantar, Hj A.Aziz Deraman, Ketua Pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka, buku ini diterbitkan sebagai “bahan pengajaran untuk penutur asing yang ingin belajar Bahasa Melayu” (p.ix). Buku ini juga diterbitkan khususnya sebagai bahan pengajaran dan rujukan bagi mahasiswa-mahasiswa Universiti Pengajian Asing di Tokyo.

Tajuk-tajuk disusun mengikut satu jalan cerita: perkembangan pengalaman pelajar Jepun bernama Emiko bekerja dan tinggal sementara di Malaysia. Tajuk-tajuk perbualan disusun dengan tujuan mengikuti pengalaman Emiko dari mula dia mempelajari bahasa Melayu hingga beliau pulang semula ke Jepun. Diselitkan juga perbualan beliau semasa di Malaysia dengan ‘keluarga angkat’nya di sana.

Semua tajuk perbualan yang dihasilkan di dalam buku ini berdasarkan suasana sosio-budaya masyarakat Malaysia. Pengarang telah memikirkan keadaan di mana perbualan-perbualan yang mungkin terbit apabila seseorang penutur asing berdepan dengan masyarakat yang berbahasa Melayu khususnya di Malaysia. Oleh kerana pengarang beranggapan bahawa perbualan yang dimuatkan di dalam buku merupakan perbualan asas penutur baru bahasa Melayu, maka dialog-dialog disusun untuk menggambarkan suasana ini. Bahan-bahan ini juga telah digunakan sebagai bahan latih tubi di dalam kelas pengarang seperti mana yang diterangkan oleh beliau di dalam prakata buku ini (p.ix). Di dalam dialog-dialog, beberapa aspek tatabahasa dan kosa kata yang baru juga diperkenalkan secara tidak langsung.

2 Penilaian

2.1 Aspek penyusunan bahan

Perbualan yang disediakan di dalam buku ini mengikuti satu jalan cerita yang mudah. Kita boleh mengikuti perkembangan Emiko dan pengalamannya dari mula dia belajar bahasa Melayu, mendapatkan visa bekerja dan tinggal di Malaysia hinggalah ke akhir buku di mana dia pulang ke Jepun. Jalan cerita amat mudah dan boleh diikuti oleh para pelajar bahasa Melayu tahap permulaan.

Perbualan-perbualan bertambah menarik lagi dengan adanya lukisan-lukisan yang menggambarkan sekitar kehidupan di Malaysia contohnya tentang perayaan-perayaan kaum di Malaysia; seperti pada muka 49 ‘Cuti Umum Tahun Baru Cina’, pada muka surat 59 ‘Cuti Umum Hari Raya Haji’, pada muka surat 79 ‘Cuti Umum Hari Thaipusam’ dan pada muka surat 101 ‘Cuti Umum Hari Wesak’. Keempat-empat bab adalah di antara contoh yang memberi gambaran tentang masyarakat Malaysia yang majmuk dan berbilang kaum. Dengan cara ini, bahasa dipelajari bukan hanya sebagai alat untuk berkomunikasi tetapi dengan ‘mempelajari’ dialog-dialog berbagai-bagai nuansa budaya yang harus diperhatikan juga oleh penutur baru bahasa di dalam sesuatu konteks yang dipelajari itu.

Seperti yang diterangkan, topik perbualan adalah tentang keadaan Emiko di Malaysia. Jadi para pelajar baru bahasa Melayu mungkin akan rasa terhad kerana mereka harus memainkan peranan Emiko yang berbangsa Jepun dan pengalamannya di Malaysia. Ada beberapa tajuk am dan ayat-ayat am seperti “Bertanya Arah”, “Membeli pakaian”, “Di Pawagam” dan “Kemalangan Jalan Raya” untuk kegunaan pelajar yang baru mahu mempelajari Bahasa Melayu. Beberapa tajuk lain menjurus kepada keadaan pelajar Jepun ini. Bagi pelajar baru bahasa Melayu di Bandar Singapura misalnya keadaan Emiko di Malaysia akan mencabar mereka untuk membuat pilihan perkataan, memahami konteks perbualan dan juga memahami pengalaman yang agak berbeza dengan keadaan sebagai mahasiswa di Singapura. Aspek ini mungkin akan menghambat pemahaman pelajar baru tentang penggunaan beberapa kekata yang digunakan di dalam dialog.

2.2 Aspek bahasa

Berbagai kosa kata pula terbit daripada perbualan-perbualan di dalam lingkungan sosio-budaya ini. Kosa kata baru disenaraikan pada akhir setiap perbualan. Teknik menyenaraikan kosa kata baru terdapat juga di dalam beberapa buku belajar bahasa Melayu yang lain seperti Mintz (1997), Osman dan Atmosumarto (1996) dan G.Sosai (1985). Mintz (1997) dan Zaharah dan Sutanto (1996) memberikan terjemahan kosa kata ke dalam bahasa Inggeris. Pengarang buku ini tidak pula memberikan maksud perkataan di dalam bahasa Inggeris. Berdasarkan ini, terdapat kemungkinan, pengarang bersandarkan pengajaran bahasanya kepada teori belajar bahasa dengan cara ‘penyerapan’ atau ‘immersion’ iaitu belajar dengan penutur asli tanpa penggunaan bahasa lain.

3 Komen

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang boleh diperhatikan jika seseorang guru bahasa Melayu mahu menggunakan buku ini sebagai bahan rujukan di dalam kelas bahasa mereka. Pertama, tahap pengenalan terhadap perbualan asas bahasa Melayu dan kedua, tentang bagaimana guru menggunakan bahasa di dalam kelas untuk ‘berkomunikasi’.

Penggunaan perkataan ‘asas’ memberi gambaran bahawa pelajar asing bahasa Melayu akan diberikan pengenalan kepada perkara-perkara asas bahasa Melayu. Walaupun terdapat penerangan asas tentang aspek tatabahasa di dalam buku ini, penerangan ini hanya merangkumi tiga setengah muka sahaja. Secara am, guru yang ingin memulakan pengajaran bahasa Melayu perlu memperkenalkan penutur asing dengan beberapa frasa pengenalan dahulu. Dari tahap permulaan, pelajar akan memerlukan sesuatu yang lebih berstruktur untuk latihan tubi bagi pengukuhan penggunaan bahasa mereka. Maka guru harus dapat membimbing pelajar untuk menambah kosa kata dan melancarkan perbualan secara bertahap-tahap. Dari aspek pengajaran secara bertahap ini, buku ini tidak menyediakan bahan “scaffolding” untuk melatih kemahiran bertutur secara berperingkat-peringkat.

Dari bab permulaan buku, perbualan pertama Emiko dengan Hiroshi dan Kyoko telah mengemukakan banyak kosa kata yang ‘berat’ seperti “*diarahkan bertugas*”, “*saya fikir eloklah saya belajar bahasa*” dan “*memperkenalkan diri*” (pp.1). Semua aspek teks pada bab-bab permulaan contohnya cara-cara bertanya khabar dan memperkenalkan diri dimulai dengan dialog-dialog yang panjang dan agak susah untuk pelajar permulaan membaca dan menghafal kekata-kekata ini. Di dalam dialog pertama, penutur yang tidak ada pengetahuan di dalam bahasa Melayu akan menjadi risau kerana terus dihipunkan dengan berbagai informasi. Selalunya pengenalan kepada bahasa

dimulai dengan cara-cara berkenalan dan sapaan di antara satu sama lain yang lebih mudah dan tidak begitu formal. Tujuannya adalah untuk pelajar merasa selesa dengan bahasa itu tanpa dibebani terlalu banyak informasi sehingga menjejaskan motivasi belajar.

Kedua, tentang bagaimana guru dapat menggunakan bahan ini sebagai bahan ‘berkomunikasi’ di dalam kelas. Terdapat di dalam buku ini gambaran bahawa bahasa digunakan untuk berkomunikasi maka disediakan dialog-dialog dan kosa-kata yang difikirkan sesuai untuk pelajar baru bahasa Melayu. Teks-teks perbualan adalah perbualan berdasarkan konteks seorang pelajar yang akan bersiap-sedia untuk bekerja dan tinggal di Malaysia; jadi beberapa frasa am tidak disertakan untuk membantu perbualan. Perbualan di dalam buku sudah dihadkan di dalam lingkungan pengalaman Emiko maka itu pelajar baru akan mengalami kesusahan semasa membuat dua perkara iaitu mempelajari dialog and kemudian “berdialog” seperti Emiko. Apa yang hendak disampaikan oleh pelajar bukanlah dialog untuk mereka sendiri tetapi ‘melakonkan’ watak Emiko. Ini akan menimbulkan kepayahan untuk pelajar ‘belajar’ frasa-frasa di dalam buku ini. Walhal, apa yang diinginkan adalah supaya pelajar-pelajar ini bertutur secara langsung dengan frasa-frasa ini.

Jika kita menggunakan pendekatan ‘learner-centred’, perbualan tercetus kerana keinginan pelajar untuk berkomunikasi. Jika kita melihat teks-teks pembelajaran bahasa asing yang lain terdapat berbagai pendekatan asas yang berbeza. Di dalam kebanyakan teks-teks belajar bahasa Melayu tidak ada penerapan bahasa secara bertahap. Selalunya pengenalan bahasa terlalu mendadak seperti juga contoh yang dikemukakan di dalam teks ini

3.1 *Perbandingan dengan buku-buku lain*

Terdapat persamaan buku teks ini dengan beberapa buku teks yang terdapat di dalam pasaran. Contohnya *Buku Colloquial Malay* (Osman & Atmosumarto, 1995), *Converse In Malay* (Soosai, 1985) dan *Standard Malay Made Simple* (Liaw, 2001) juga. Pendekatan yang sama seperti ini juga terdapat di dalam buku ‘*A Course in Conversational Malay*’ (Mintz:1997) yang sasarannya lebih kepada pengguna bahasa Inggeris. Berdasarkan pendengaran audio (buku-buku Zahara dan Mintz), para pelajar boleh mengulangi perbualan yang didengar dan terdapat beberapa teks-teks pendek. Cara ini baik untuk melatih tubi. Tetapi terdapat kelemahan yang sama iaitu memberikan frasa-frasa yang terlalu banyak untuk didengar dan digunakan. Kelemahan lain yang terdapat di dalam buku-buku yang disebutkan ialah tentang dialog yang disekat-sekat dengan penerangan bahasa Inggeris. Tidak terdapat penggunaan bahasa perantaraan di dalam buku “Perbualan Asas Bahasa Melayu.” Maka guru atau pembimbing bahasa diperlukan di dalam penggunaan buku ini.

Di Singapura, kebanyakan buku-buku teks sekolah adalah yang dihasilkan oleh pegawai kurikulum untuk pelajar sekolah menengah (yang berusia di antara 13 hingga 16 tahun). Salah satu contoh teks tersebut ialah ‘*Bahasa Melayu Komunkatif*’. Pendekatan di dalam buku-buku teks ini lebih menjurus kepada para pelajar sekolah menengah maka terdapat lebih banyak latihan dan aktiviti yang dicadangkan. Tumpuan buku-buku teks sekolah adalah lebih kepada remaja di dalam lingkungan usia belasan tahun. Maka bahan-bahan mengajar bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar lebih matang masih berkurangan. Buku perbualan asas ini dapat memenuhi keperluan para pelajar yang lebih dewasa.

3.2 *Kegunaan buku*

Buku ini sesuai untuk guru-guru yang mengajar bahasa Melayu dan mahu mengajarnya melalui pendekatan komunikatif atau pendekatan ‘task-based’ di mana para guru boleh mengambil setiap satu perbualan atau tema yang berkaitan sebagai kegiatan situasi atau sebagai tugas berpasangan atau berkumpul di dalam kelas. Mereka boleh dilatih berbual dan menggunakan frasa-frasa berben-tuk dialog. Mereka juga boleh menggunakan tema yang dipilih daripada buku ini untuk bermain peran dengan menggunakan dialog sendiri.

Pada akhir setiap perbualan terdapat halaman ‘Tambah Kos Kata Anda’ yang sangat sesuai untuk para pelajar baru bahasa Melayu. Berbagai aktiviti mencari makna dan menambah kos kata dapat dibina daripada senarai kos kata yang disediakan.

Melalui kos kata dan ilustrasi yang diberi, jelas kelihatan unsur-unsur budaya Melayu yang hendak ditonjolkan seperti bersalaman, memanggil dengan kata ganti diri, cara duduk orang Melayu yang sopan dan banyak lagi. Bahan ini boleh digabungkan dengan aktiviti bahasa yang lain bersesuaian dengan pelajar bahasa Melayu yang berbangsa Melayu dan bukan Melayu kerana mereka dapat membandingkan latar belakang kehidupan orang Melayu di Malaysia dan orang Melayu di Singapura atau di rantau ini. Pendekatan komunikatif membolehkan pelajar bertutur dan berinteraksi dengan menggunakan bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan bermakna. Penggunaan frasa-frasa bahasa Melayu sangat dialu-alukan di dalam konteks pembelajaran menerusi pendekatan ini.

4 Penutup

Buku ini menambah lagi khazanah buku-buku yang ditulis khusus untuk mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing. Buku ini boleh digunakan sebagai bahan mengajar bahasa Melayu kepada siswa di universiti. Terdapat ilustrasi menarik yang dimuatkan di dalam buku ini; yang sedikit sebanyak menarik minat penutur untuk membaca perbualan yang disediakan. Tema-tema yang dimuatkan sesuai dengan para pelajar peringkat ini. Akan tetapi para pengajar bahasa Melayu harus peka dengan keadaan sosio-budaya yang diterapkan di dalam buku supaya para pelajar bukan Melayu akan terdedah kepada pelbagai aspek budaya Melayu yang berlainan yang dicorak oleh latarbelakang kehidupan di sini. Guru harus bijak menggunakan buku sebagai bahan rujukan di dalam kelas bahasa mereka. Oleh kerana buku ini hanya mengandungi teks-teks perbualan, pengajaran bahasa harus digandingkan dengan kegiatan lain untuk mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu pelajar. Buku ini tidak menyediakan latihan untuk pengukuhan dan penguasaan bahasa.

Bahan rujukan

- Bahagian Perancangan dan Perkembangan Kurikulum (2007) *Komunikatif: Bahasa Melayu (Program Khas) Buku Teks*. Singapore: Kementerian Pendidikan
- Liaw, Y. F. (2001) *Standard Malay made simple*. Singapore: Times Media Pte.Ltd.
- Mintz, M. (1997) *A course in conversational Malay, 2nd Edition*. Singapore: SNP
- Soosai, G. (1985) *Converse in Malay*. Singapore: Times International
- Osman, Z. & Atmosumarto, S. (1996) *Colloquial Malay: A complete language course*. London: Routledge